

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN
HAMIDI [BAGAN DATUK]**

SOALAN NO. 71

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan semenjak Mei 2018 sehingga kini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penyaluran peruntukan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) adalah sebagaimana yang telah diluluskan oleh Kerajaan setiap tahun. Penyaluran peruntukan ini dibuat seawal bulan Januari setiap tahun kepada Jabatan Pendidikan Negeri seterusnya kepada Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah. Peruntukan yang disalurkan mengambil kira keperluan sekolah-sekolah berkenaan. Bagi Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) peruntukan yang disalurkan meliputi keperluan perkara-perkara seperti berikut:

1. emolumen;
2. bayaran bil utiliti (tertakluk kepada maksimum RM5,000.00 sebulan atau bil sebenar, yang mana lebih rendah); dan
3. bantuan umum persekolahan.

NO. SOALAN: 71

Selain itu, Kementerian juga menyalurkan peruntukan Tabung Penyelenggaraan kepada SJK dan SMJK. Peruntukan yang telah disalurkan kepada SJK pada 2018 adalah berjumlah RM100 juta. Daripada jumlah tersebut RM50 juta disalurkan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan RM50 juta lagi disalurkan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Manakala bagi SMJK, jumlah peruntukan yang telah disalurkan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM15 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan-peruntukan tersebut telah selesai diagihkan pada Disember 2018.

RT10/71